



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

MESYUARAT *BIMP-EAGA TRADE FACILITATION CLUSTER* KALI KE-2

1. Majlis pembukaan Mesyuarat *BIMP-EAGA Trade Facilitation Cluster* kali ke-2 dirasmikan oleh Yang Mulia Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada 18hb September 2024 di Centrepont Hotel, Gadong, Bandar Seri Begawan.
2. Mesyuarat tersebut telah berlangsung selama dua hari dari 18 September hingga 19 September 2024 yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Noor Alam Khan bin A. Wahid Khan, Pengarah Majlis Keselamatan Negara Malaysia, Sabah. Mesyuarat tersebut juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan bagi Kumpulan-Kumpulan Kerja Kastam, Imigresen, Kuarantin, dan Sekuriti (CIQS) dari negara-negara ahli BIMP-EAGA, serta perwakilan-perwakilan daripada BIMP-EAGA *Facilitation Centre* (BIMP-FC), Asian Development Bank (ADB) dan BIMP-EAGA *Business Council* (BEBC).
3. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah mengenai hasil dan rekomendasi daripada Mesyuarat-Mesyuarat Tertinggi BIMP-EAGA seperti Sidang Kemuncak BIMP-EAGA kali ke-15, Mesyuarat Menteri-Menteri BIMP-EAGA kali ke-26, dan Mesyuarat Perancangan Strategik BIMP-EAGA 2024, serta membincangkan mengenai perkembangan inisiatif BIMP-EAGA bersama dengan *development partners*. Mesyuarat tersebut juga membincangkan laporan-laporan kumpulan-kumpulan kerja CIQS mengenai perkembangan projek-projek di bawah bidang masing-masing dan seterusnya membincangkan perkembangan terkini ke atas Kajian Koridor Ekonomi dan IMT-GT *Blue Economy Strategy* 2030.
4. Republik Indonesia akan menjadi Tuan Rumah seterusnya bagi Mesyuarat *BIMP-EAGA Trade Facilitation Cluster* kali ke-3 yang dijadualkan berlangsung pada tahun depan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:-

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Rujukan: KKW/ADM/70
Tarikh: 16 Rabiulawal 1446
20 September 2024



Yang Mulia Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim semasa menyampaikan ucapan perasmianya pada mesyuarat tersebut.



Tetamu kehormat bergambar ramai bersama Pengerusi dan Ketua-Ketua delegasi Mesyuarat BIMF EAGA TFC ke-2.



Tetamu kehormat bergambar ramai bersama para peserta mesyuarat BIMP EAGA TFC ke-2.



Yang Mulia Zul-Faisal Bin Hj Saherin, Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja selaku Ketua delegasi Negara Brunei Darussalam semasa menyampaikan laporan pada mesyuarat tersebut.